

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HKN 202 - Kajian Teks Melayu Klasik

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] lagi daripada Bahagian B. SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A:

1. Teks kesusasteraan bercorak sejarah merupakan karya Melayu klasik yang sangat bernilai dan menjadi sumber tentang ketinggian pemikiran dan kehalusan pengucapan kesusasteraan pengarang Melayu zaman silam. Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada tujuan penulisan teks Sejarah Melayu sebagai terungkap dalam bahagian Mukadimah teks berkenaan seperti berikut:

“Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara peri perisetua dan peri pertuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.”

2. Apakah yang anda faham dengan maksud “logik dalaman” dalam kajian terhadap teks kesusasteraan bercorak sejarah? Bincangkan kefahaman anda tersebut dengan merujuk kepada kisah ikan todak menyerang Singapura sebagaimana tergambar dalam Sejarah Melayu.

3. Bincangkan petikan daripada Hikayat Raja Pasai di bawah dalam konteks tema sejarah sebagai pengajaran moral.

Maka kata Tun Beraim Bapa, "Diamlah tuan-tuan sekalian, karna Si Beraim Bapa sekali-kali tiada ia mau derhaka, jikalau Si Beraim Bapa mau derhaka jika Pasai se-Pasainya, jika Jawa se-Jawanya, jika Cina se-Cinanya, jika Keling se-Kelingnya, tiada dapat melawan Si Beraim Bapa."

4. Terdapat beberapa perbezaan yang ketara tentang corak penulisan Hikayat Raja Pasai berbanding dengan Misa Melayu. Analisis perbezaan-perbezaan tersebut dengan memberi penekanan kepada aspek konvensi dan misi pengarang.

BAHAGIAN B:

5. Menurut R. O. Winstedt Hikayat Merong Mahawangsa mengandungi banyak cerita dongeng dan amat sedikit kandungan sejarah. Bahaskan pandangan beliau dan kemudian bincangkan sejauh mana hikayat berkenaan benar-benar menepati akan bentuk historiografi Melayu.
6. Tuhfat al-Nafis pada dasarnya menceritakan tentang interaksi di antara tiga golongan raja-raja, iaitu raja-raja Melayu, raja-raja Bugis dan raja-raja Siak. Walau bagaimanapun dapat dirasakan pengarangnya adalah lebih meninggikan darjat raja-raja Bugis daripada raja-raja Melayu dan Siak. Bincangkan pernyataan di atas.
7. Kedua-dua Hikayat Merong Mahawangsa dan Tuhfat al-Nafis mengambil berat terhadap aspek keislaman, tetapi pendekatannya adalah berlainan. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan di atas.

8. Status Hang Tuah sebagai seorang wira bangsa Melayu seperti yang dapat dilihat dari beberapa hasil kesusasteraan kelihatan berubah dari satu zaman ke satu zaman lain. Dengan memberikan sebab-sebab yang jelas bincangkan perubahan ini. Kemudian berdasarkan hujah-hujah yang kukuh berikan pendapat anda apakah wajar kedudukan Hang Tuah sebagai wira dalam *Hikayat Hang Tuah* harus terkesan dengan perubahan di atas.

--oo000oo--